

05 OKTOBER 2017

Dadah libatkan remaja serius

12 DALAM NEGERI

Perkara berkenaan akan dibawa ke Parlimen

Dadah libatkan remaja serius

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 OKT.

PENAHANAN suspek bawah umur yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah berhubung insiden kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah baru-baru ini perlu diberi perhatian dan bukti tahap keseriusan masalah berkenaan dalam kalangan remaja masa kini.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi berkata, sehubungan itu, semua pemimpin daripada pelbagai latar belakang dan parti politik perlu bersamasama menangani masalah terse-

but bagi memastikan ianya dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

Katanya, beliau akan membincangkan perkara tersebut di peringkat Parlimen nanti termasuk masalah kekurangan peruntukan kewangan dalam program pemulihan dadah membabitkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

“Masalah dadah begitu kronik dan ia tidak boleh dipandang mudah. Kita mengharapkan sokongan pelbagai pihak tanpa mengira latar belakang dan ideologi kerana Parlimen bukan



BUDIMAN MOHD. ZOHDI

hanya sekadar pentas politik dan polemik.

“Untuk mengatasi isu ini, kita perlu bersama-sama memberi sokongan, idea dan juga perlu ada peruntukan kewangan. Jangan dijadikan ia sekadar program ‘datang dan pergi’ tanpa ada hasil,” katanya ketika menghadiri forum anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di sini malam tadi.

Dalam forum bertajuk *Anak Muda Makin Parah Malaysiaku Ke mana Arah?*, Budiman yang men-

jadi panel bersama Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian turut membincangkan pelbagai masalah membabitkan golongan muda di negara ini.

Budiman berkata, selain masalah dadah, beliau juga berharap dapat membawa isu berkenaan Dasar Buku Negara yang perlu diperbaharui dalam usaha membentuk golongan remaja.

“Dasar tersebut kali terakhir dibentangkan pada tahun 1980-an. Pembentukan remaja pada masa kini adalah melalui bahan bacaan. Saya bimbang bahan bacaan mereka nanti tidak menjurus kepada Transformasi Nasional 2050 (TN50),” ujarnya.